



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(43)

Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 17 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN BAGI MENGAWAL TRANSAKSI OLEH LEMBAGA DAN PEKERJA KOPERASI

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk memastikan koperasi dapat ditadbir dan diuruskan dengan cekap dan berkesan.

2. DEFINISI

"Pekerja-pekerja" bermaksud kumpulan pengurusan atau mana-mana orang yang dilantik sebagai pekerja sepenuh masa yang terlibat dengan pentadbiran, pengurusan harian dan perniagaan koperasi.

3. LATAR BELAKANG

Anggota Lembaga Koperasi dan pekerjanya mempunyai tugas penting bagi memastikan semua aktiviti koperasi diuruskan dengan baik dan berkesan. Oleh itu, mereka perlu mengambil tahu akan hal ehwal koperasi dan hendaklah sentiasa peka dan prihatin apabila membuat sesuatu keputusan. Dengan cara ini, mereka tidak akan menghadapi masalah bagi melaksanakan tugas masing-masing.

4. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Anggota Lembaga Koperasi dan pekerjanya mempunyai tugas dan tanggungjawab seperti berikut:

(a) **Anggota Lembaga Koperasi**

Anggota Lembaga Koperasi hendaklah memastikan urusan pentadbiran, pengurusan, pengawasan transaksi perniagaan dan aktiviti koperasi dijalankan dengan baik dan mematuhi kehendak undang-undang. Anggota Lembaga Koperasi perlu memainkan peranan yang aktif dalam hal ehwal koperasi dan bekerjasama sebagai satu pasukan termasuk menghadiri mesyuarat, menyemak data maklumat yang disediakan oleh pekerja, jawatankuasa kecil dan pemantauan aktiviti. Kewajipan Anggota Lembaga Koperasi adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 44 Akta Koperasi 1993.

(b) **Pekerja Koperasi**

Pemantauan rapi oleh Lembaga Koperasi ke atas kumpulan pengurusan dan pekerja lain koperasi perlu diadakan dari semasa ke semasa. Lembaga Koperasi hendaklah juga bertanggungjawab apabila mewakilkan tugas kepada pekerjanya dan memastikan bahawa apa-apa tugas yang diwakilkan kepada mana-mana pekerja berkenaan adalah dilaksanakan dengan baik.

5. KETULUSAN DALAM PENGURUSAN KOPERASI

Ketulusan adalah merangkumi kriteria seperti berikut:

(a) **Kesetiaan**

Anggota Lembaga Koperasi serta pekerja hendaklah mengekalkan kesetiaan dan tidak mengambil kesempatan dalam urus niaga koperasi untuk kepentingan diri sendiri dan bersubahat dengan orang luar.

(b) **Kewajipan**

Anggota Lembaga Koperasi hendaklah melaksanakan segala kuasa dan kewajipan yang perlu untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan dibuat dengan baik.

(c) **Urusan Perniagaan**

Anggota Lembaga Koperasi tidak boleh mengambil kesempatan untuk mendapatkan peluang perniagaan yang menjadi hak dan peluang perniagaan koperasi. Dalam hal ini, Anggota Lembaga Koperasi yang berkepentingan dalam urus niaga yang sama tidak boleh melibatkan diri dalam semua perbincangan oleh Lembaga Koperasi atau mengundi apabila membuat sesuatu keputusan dalam urusan perniagaan berkenaan.

6. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN

Percanggahan kepentingan dalam transaksi adalah di mana Anggota Lembaga Koperasi atau pekerjanya mempunyai kepentingan peribadi secara langsung atau tidak langsung dalam urusan koperasi. Oleh itu, Anggota Lembaga Koperasi dan pekerja juga hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang perbincangan yang melibatkan kepentingan diri. Sehubungan ini, percanggahan kepentingan dalam transaksi koperasi di anggap tidak berlaku jika:

- (a) faktor-faktor material transaksi dan kepentingan peribadi Anggota Lembaga Koperasi telah dimaklumkan terlebih dahulu dan diluluskan oleh Lembaga Koperasi; dan
- (b) transaksi adalah dibuat untuk kepentingan dan keuntungan koperasi.

7. MENANGGUNG KERUGIAN

Seseorang Anggota Lembaga Koperasi atau pekerja sesuatu koperasi hendaklah menanggung rugi bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh koperasi akibat daripada sesuatu transaksi yang dilakukan tanpa kebenaran Lembaga Koperasi mengikut Peraturan 18 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995.

8. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

9. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

Tarikh : 30 Julai 2005

s.k: Timbalan Ketua Pengarah (Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri